

# Kelab Robotik UMS dinobatkan johan U-ROCK 2022

Menerusi penghasilan robot dinamakan Charpy yang dibawa melintas sempadan dari Sabah ke Perlis

UB 21.12.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Seramai 10 mahasiswa dan mahasiswi Kelab Robotik, Universiti Malaysia Sabah (UMS) munculkan johan pertandingan robotik U-ROCK 2022 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kategori legged robot, bersama dengan robot hasil pasukan yang dinamakan Charpy.

Pertandingan tersebut diadakan di Kompleks Stadium UniMAP yang berlangsung pada 11-12 November 2022.

Pertandingan U-ROCK 2022 terdiri daripada tiga kategori, iaitu legged robot, drone challenge dan school drone challenge.

Ketua pasukan, Elvira Yee Vun Yen, berkata robot hasil pasukan mereka telah menghabiskan perlumbaan sepanjang 40m dengan masa tersingkat iaitu secepat 55 saat di pusingan akhir.

Catatan tersebut jauh meninggalkan pencabar di tempat kedua yang mencatatkan masa lebih dua minit untuk menamatkan perlumbaan sama.

Menurutnya, mereka telah menggunakan masa selama dua bulan setengah untuk menyiapkan robot, yang melibatkan mereka bentuk, prototyping, pembinaan, troubleshooting dan latihan robot.

Mereka dibimbing oleh ahli-ahli senior kelab robotik, dari segi mekanikal, elektrik dan elektronik serta pengaturcaraan robot.

Bukan sahaja kejohanan dalam legged robot race, pasukan U-ROCK Kelab Robotik UMS juga mendapat tempat pertama dalam Special Award: Innovating Presentation, di mana video ringkas mengenai robot tersebut dihasilkan. Video itu menerangkan serba sedikit mengenai teknologi yang digunakan dalam Charpy.

Penasihat Kelab Robotik, UMS, Associate Professor Ir. Dr. Muralindran Mariappan, menyatakan bahawa beliau amat gembira dan bangga dengan kejayaan pasukannya.

“Saya amat berbangga dengan pasukan U-ROCK Kelab Robotik UMS kerana ini merupakan pengalaman pertama ahli-ahli dalam pasukan tersebut dalam pembinaan robot.

“Mereka berjaya mempraktikkan ilmu kejuruteraan dalam menghasilkan sebuah robot yang berfungsi seperti yang diinginkan,” katanya.

Beliau amat berpuas hati dengan pencapaian pasukan U-ROCK UMS kerana robot yang dinamakan Charpy amat unik di mana Charpy boleh dibawa melintas sempadan dari Sabah ke Perlis dengan selamat dan kekal sempurna.

Presiden Kelab Robotik UMS 2022/2023, Yeoh Kean Teong, turut memuji pasukan U-ROCK UMS yang memanfaatkan cuti semester mereka untuk menyahut cabaran membina sebuah robot daripada asas.

Menurutnya, pasukan U-ROCK UMS amat berdedikasi dan sentiasa mengambil inisiatif untuk mempelajari perkara yang tidak diketahui.

Adalah harapan besar Kelab Robotik UMS untuk terus mara dengan teknologi yang baharu dan lebih canggih, sekali gus mengharumkan lagi nama Universiti Malaysia Sabah yang sentiasa menyokong kejayaan kelab.

Kejohanan yang dibawa balik ke Sabah telah membuktikan bahawa pelajar Universiti Malaysia Sabah mempunyai daya saing yang tinggi dan berkebolehan dalam pertandingan robotik di peringkat kebangsaan.



**BERJAYA:** Pasukan Robotik UMS bersama-sama penasihat kelab Ir. Dr. Murali (lima kiri), pengiring pasukan Irwan (enam kiri) dan pengurus pasukan, Tiong (dua kiri).



**UNIK:** Robot Charpy yang unik boleh dibawa melintas sempadan dari Sabah ke Perlis dengan selamat dan kekal sempurna.